



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SESI *TOWNHALL MEETING* PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD) PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Program *townhall meeting* (THM) HFMD adalah merupakan satu usaha libat urus yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam usaha membendung penularan jangkitan HFMD. Antara agensi-agensi yang terlibat adalah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Masyarakat Malaysia (KEMAS), Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Persatuan Pengusaha dan juga pengusaha-pengusaha taska swasta.

Penganjuran THM ini adalah merupakan satu usaha proaktif yang menggabungkan beberapa aktiviti pendidikan kesihatan seperti ceramah, edaran bahan pendidikan kesihatan, tunjuk cara penjagaan kebersihan diri dan basmi kuman premis kepada peserta, agar tindakan dapat diambil apabila pulang ke taska masing-masing nanti.

Program THM ini akan diteruskan perlaksanaannya di seluruh Malaysia terutama di negeri-negeri yang mengalami peningkatan kes HFMD yang tinggi. Sehingga Mei 2022 sejumlah 187 sesi THM telah diadakan diseluruh Malaysia.

Sehingga 30 Mei 2022 (Minggu Epid (ME) 22/2022), sebanyak 71,471 kes HFMD telah dilaporkan; iaitu peningkatan sebanyak 28 kali ganda bagi tempoh yang sama pada tahun 2021 (semasa pandemik) iaitu 2,485 kes. Manakala perbandingan kes pada tahun 2019 bagi tempoh yang sama (sebelum fasa pandemik) dengan jumlah kes 30,489, ia menunjukkan peningkatan sebanyak 1.3 kali ganda.

HFMD merupakan penyakit yang kerap berlaku dalam kalangan kanak-kanak. Sejumlah 65,032 kes (91%) dilaporkan dalam kalangan kanak-kanak berumur enam (6) tahun ke bawah dan 5,194 kes (7%) dalam kumpulan umur 7 hingga 12 tahun. Manakala daripada 1,573 wabak yang dilaporkan, 956 wabak (61%) berlaku di taska/tadika/tabika/pra-sekolah dan 35% pula dilaporkan berlaku di rumah persendirian iaitu 548 wabak sehingga 30 Mei 2022.

Kes HFMD di Negeri Selangor juga menunjukkan trend serupa dengan trend kebangsaan kerana hampir 30% kes HFMD di Malaysia dilaporkan berlaku di negeri ini bagi tempoh yang sama. Manakala bagi negeri-negeri lain bilangan kes HFMD adalah kurang daripada 12%. Daerah Petaling, Selangor menrekodkan bilangan kes tertinggi iaitu 3.8% (7,247 kes) dari 20,433 keseluruhan kes HFMD Selangor. Bilangan kes HFMD dalam kalangan kanak-kanak di bawah usia tujuh (7) tahun telah meningkat semenjak awal tahun 2022. Bilangan kes mingguan telah melebihi paras amaran sejak minggu epid 15 dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah membuka Bilik Gerakan HFMD sejak 4 April 2022. Terdapat 182 kluster HFMD telah dilaporkan melibatkan 773 kes dengan 83% daripadanya melibatkan kluster di taska/tadika serta pusat jagaan harian.

Sejajar dengan situasi semasa kes dan juga wabak HFMD di Malaysia, pelaksanaan program THM ini amatlah penting bagi para ibu bapa dan penjaga pusat taska kanak-kanak, tadika, tabika dan pra-sekolah bagi menerapkan pemahaman mengenai punca penyakit dan peranan yang perlu diambil oleh semua pihak bagi sama-sama menangani penularan jangkitan HFMD. Program ini juga turut menekankan kepentingan aktiviti pencegahan dan kawalan yang harus dilakukan di pusat jagaan dan institusi pendidikan awal kanak-kanak serta menekankan pemantauan status kesihatan kanak-kanak. Semasa sesi THM turut diterangkan tindakan yang perlu diambil oleh pengusaha dan guru-guru taska/tadika/tabika/pra-sekolah bagi memastikan premis bebas daripada risiko jangkitan HFMD.

KKM ingin menjelaskan peranan yang perlu dimainkan oleh semua pengusaha dan pengasuh di taska, tadika dan tabika adalah:

- i. Sentiasa memastikan kebersihan premis termasuk peralatan dan perkakasan yang digunakan oleh kanak-kanak;
- ii. Membuat saringan di pintu masuk bagi memastikan kanak-kanak tiada tanda-tanda jangkitan HFMD. Kanak-kanak dengan gejala dinasihatkan untuk tidak hadir ke sekolah bagi mengelakkan jangkitan kepada kawan-kawannya;
- iii. Sentiasa mengamalkan kebersihan diri termasuk mencuci tangan selepas menguruskan seorang kanak-kanak sebelum mengendalikan kanak-kanak lain;
- iv. Sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan penyakit berjangkit termasuk penyakit COVID-19 seperti memakai pelitup muka dan menghadkan pergaulan rapat;
- v. Memastikan lampin pakai-buang dibuang dalam tong sampah bertutup; dan

- vi. Melaporkan kluster HFMD kepada pejabat kesihatan daerah berhampiran untuk tindakan kawalan dan pencegahan.

Marilah kita bersama-sama melaksanakan peranan dan tanggungjawab kita dalam membendung penularan jangkitan HFMD ini, bermula di rumah dan tempat pembelajaran awal atau taman asuhan kanak-kanak. Penjagaan kebersihan diri dan persekitaran premis termasuk pelaksanaan aktiviti basmi kuman bukan sahaja bagi mencegah penularan HFMD tetapi juga COVID-19 yang masih lagi dilaporkan. Semoga segala tindakan kita dapat menyekat penularan jangkitan dalam kalangan anak-anak kita; dan seterusnya menurunkan kes HFMD di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
TIMBALAN MENTERI KESIHATAN 1
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

01 Jun 2022